

1. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti cincin dengan permata
II	seperti anjing dengan kucing
III	bagai langit dengan bumi
IV	bagai pinang dibelah dua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

2. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Harun tidak melawan kata-kata Hamzah yang sedang marah itu.


- ☐ A sarang tebuhan jangan dijolok
☐ B air tenang jangan disangka tiada buaya
☐ C gigi dengan lidah ada kalanya tergigit juga
☐ D bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi

3. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.

Ibu: Kamu hendaklah mendidik anak kamu itu supaya hormat pada orang tua sejak kecil lagi. Kalau dah besar nanti, susah pula hendak diajarnya.
Alia: Baiklah, ibu. Nasihat ibu itu akan saya turuti.

- ☐ A kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan
☐ B melentur buluh biarlah daripada rebungunya
☐ C ke hulu menongkah surut, ke hilir menongkah pasang
☐ D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau

4. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.




	Peribahasa
I	bagai ayam mengeram telur
II	seperti embun di hujung rumput
III	bagai menatang minyak yang penuh
IV	seperti labah-labah cinta akan telurnya

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

5. Maksud peribahasa "seperti si buta mendapat tongkat" ialah...

- ☐ A orang yang suka meminta pertolongan daripada orang lain.
☐ B orang yang telah berjaya kerana dibantu oleh orang lain.
☐ C orang yang hidup susah kerana banyak berhutang.
☐ D orang yang sombong setelah beroleh kekayaan.

6. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai dihiris sembilu
II	bagai kumbang putus tali
III	bagai cendawan kememeh
IV	bagai kaca terhempas ke batu

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

7. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Majlis perkahwinan Raja Muda Perak itu berlangsung mengikut adat turun-temurun.

- ☐ A siang berpanas, malam berembun
☐ B tegak sama tinggi, duduk sama rendah
☐ C tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
☐ D tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata

8. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.

Encik Amir: Siapakah sebenarnya yang mencipta mesin pembakar lemang ini?

Encik Irfan: Idea untuk mencipta mesin tersebut ialah idea saya. Beliau hanya membantu saya untuk membina dan mempromosikannya. Walau bagaimanapun, saya tidak menyangka bahawa beliau sanggup mengakui mesin itu ciptaannya.

- ☐ A sambil menyelam minum air
- ☐ B bagaimana acuan begitulah kuihnya
- ☐ C lembu punya susu, sapi dapat nama
- ☐ D berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

9. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai air di daun keladi
II	bagai air titik ke batu
III	bagai gembala diberi keris
IV	api padam puntung berasap

- ☐ A I dan II
- ☐ B II dan III
- ☐ C III dan IV
- ☐ D I dan IV

10. Maksud peribahasa "laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan" ialah...

- ☐ A kita harus tabah menghadapi segala kesukaran.
- ☐ B usaha yang gigih pasti akan memperoleh kejayaan.
- ☐ C segala usaha yang dilakukan pasti ada kesukarannya.
- ☐ D sesuatu pekerjaan perlu dilakukan dengan sungguh-sungguh.

11. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Seseorang yang tidak menggunakan ilmunya, lama-kelamaan ilmu itu akan hilang.

- ☐ A diam penggali berkarat
- ☐ B biar titik jangan tumpah
- ☐ C segan bertanya sesat jalan
- ☐ D malas mendayung perahu hanyut

12. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Mula-mula kehidupan Puan Mila sekeluarga susah selepas kematian suaminya. Namun begitu, kini kehidupan mereka bertambah baik apabila mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor.

- ☐ A ibarat beban sudah ke tepi
- ☐ B ibarat burung, mata terlepas badan terkurung
- ☐ C laksana buah bemban, masak jatuh ke lumpur
- ☐ D ibarat rumput yang sudah kering; ditimpa hujan segar kembali


13. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Sahli menutup hidungnya kerana bau sampah sarap yang ada di situ _____.

- ☐ A hitam seperti arang
- ☐ B masam macam cuka
- ☐ C busuk seperti bangkai
- ☐ D gelojoh seperti langau

14. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih **satu** peribahasa yang sesuai.



- ☐ A seperti langit dengan bumi
- ☐ B berat sama dipikul ringan sama dijinjing
- ☐ C biar berputih tulang, jangan berputih mata
- ☐ D cakap siang pandang-pandang cakap malam dengar-dengar

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan kimia yang tinggi sangat berbahaya.

- ☐ A bagai duri dalam daging
- ☐ B bagai panas mengandung hujan
- ☐ C bagai memegang tali layang-layang
- ☐ D bagai pintu tak berpasak, perahu tak berkemudi

16. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Generasi muda perlu mengekalkan budaya dan warisan yang kita miliki supaya warisan tersebut akan kekal selamanya.

- ☐ A tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- ☐ B yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ C terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau
- ☐ D yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

- 17.

Ibu pernah menasihati kami bahawa sarang tebuan jangan dijolok.

Maksud peribahasa yang paling sesuai untuk menerangkan ayat di atas ialah...

- ☐ A jangan melakukan sesuatu yang mendatangkan bahaya.
- ☐ B jangan berkawan dengan jiran-jiran yang suka bergaduh.
- ☐ C jangan melakukan perbuatan yang tidak mendatangkan kebaikan.
- ☐ D jangan berkawan dengan orang yang suka menyakitkan hati orang lain.

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kesalahan yang dilakukan olehnya terlalu besar sehingga tidak dapat disembunyikan lagi.

- ☐ A di mana semut mati kalau tidak di dalam gula
- ☐ B bangkai gajah dapatkah ditutup dengan nyiru?
- ☐ C terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina
- ☐ D tempayan yang penuh tidak akan berkocak airnya

19. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Orang yang tahan hati walaupun dimarahi atau dikatai oleh orang lain.

- ☐ A telinga kuali
- ☐ B telinga nipis
- ☐ C telinga lintah
- ☐ D telinga tempayan

20. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan situasi dalam gambar tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	berkerat rotan berpatah arang
II	air dicencang tidak akan putus
III	cubit paha kiri paha kanan terasa juga
IV	carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga

- ☐ A I dan III
- ☐ B II dan III
- ☐ C II dan IV
- ☐ D I dan IV